



29 November 2016  
29 November 2016  
P.U. (A) 297

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 3) 2016

*FOOD (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA MAKANAN 1983

## PERATURAN-PERATURAN MAKANAN (PINDAAN) (NO. 3) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 34 Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) (No. 3) 2016**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2016.

**Pindaan Jadual Kedua Puluh Lima**

2. Peraturan-Peraturan Makanan 1985 [P.U. (A) 437/1985], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam perenggan 3 Jadual Kedua Puluh Lima, dengan menggantikan butiran “Jumlah koliform” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran yang berikut:

<i>Bakteria</i>	<i>Kaedah</i>	<i>Kiraan bagi setiap 100 ml</i>
Jumlah koliform	1. Kaedah tiub berbilang ( $37^{\circ}\text{C}/48$ jam)	Hendaklah tidak melebihi 10 (bilangan paling mungkin)
	2. Turas membran	Tidak lebih daripada 4 koloni bagi setiap 100 ml

**Pindaan Jadual Kedua Puluh Lima A**

3. Jadual Kedua Puluh Lima A Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam perenggan 3 dengan menggantikan butiran “Jumlah koliform” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran yang berikut: